



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAKA
MODUL PERKEMBANGAN PELAJAR**

**MATA PELAJARAN ALIRAN KEMAHIRAN 2020
PENDIDIKAN ISLAM PIMA
OGOS**

**1224/1
1 JAM**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **NAMA anda**
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di dalam KOTAK JAWAPAN yang disediakan

NAMA :

.....

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Di peroleh
A	1-10	10	
	11-20	10	
	21-30	10	

Bahagian A

[30 Markah]

Jawab **semua** soalan.

Tuliskan (**benar**) pada pernyataan yang **betul** dan (**salah**) pada pernyataan yang **tidak betul** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.

- | | | |
|----|---|--------------------------|
| 1. | Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab | ☐ |
| 2. | Menyembah berhala adalah satu contoh perbuatan menyekutukan Allah SWT. | ☐ |
| 3. | Najis anjing dan babi termasuk jenis najis mutawassitah. | ☐ |
| 4. | Membaca surah selepas al Fatihah hukumnya sunat | ☐ |
| 5. | Membaca selawat dalam tahiyyat akhir merupakan rukun solat. | ☐ |
| 6. | Penyembelihan yang dilakukan oleh wanita tidak boleh dimakan dagingnya. | ☐ |
| 7. | Hukum bertaubat bagi orang yang berdosa ialah sunat. | ☐ |
| 8. | Masjid Nabawi ialah masjid yang pertama dibina di Madinah. | ☐ |
| 9. | Orang yang bersifat jujur tidak disukai manusia | ☐ |
| 10 | Rukun Iman terdiri daripada enam perkara. | ☐ |

[10 markah]

Untuk
kegunaan
pemeriksa

Untuk
kegunaan
Jumlah
1- 10

10

Tulis jawapan yang **betul** di dalam ruangan yang disediakan bagi melengkapkan pernyataan.

11. Taurat ialah kitab yang diturunkan kepada Nabi (Isa / Musa / Daud).
12. Allah Taala telah menjadikan malaikat daripada (cahaya / api / tanah).
13. Hukum mandi bagi perempuan yang suci daripada haid ialah (sunat / wajib / harus).
14. Aurat lelaki yang wajib ditutup ialah dari pusat hingga (lutut / betis / buku lali).
15. Umat Islam wajib beriman dengan al Quran dan (Hadis/al Muewattak /Ihya Ulumuddin)
16. Sunat ketika membaca al-Quran adalah (berwuduk/memakai tudung)
17. Syarat sah wuduk ialah melakukan semua rukun secara (cepat/ tertib/ tertil) rukun.
18. Mematuhi arahan ketua ialah (hikmah / adab / tujuan) dalam Islam.
19. Masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah SAW dan umat Islam ialah (Masjid Nabawi / Masjid al-Aqsa / Masjid Quba').
20. Saidina (Usamah bin Zaid / Salman al farisi) merupakan anak angkat Rasulullah SAW

[10 markah]

Isi tempat **kosong** dengan pilihan jawapan yang diberi.

rukhsah	Gua hira'	ilmu	masjid	merik
Mukallaf	murtad	25	syirik	mutlak
Gua thur	darurat	10	muallaf	mustakmal

21. _____ ialah menyekutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan.
22. Bilangan rasul yang wajib diketahui ialah seramai _____ orang.
23. Golongan yang keluar daripada Islam dipanggil _____.
24. Hukum menunaikan solat fardhu ialah wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang _____.
25. Air salji termasuk jenis-jenis air _____ yang boleh digunakan untuk bersuci.
26. Urat halkum dan urat _____ hendaklah diputuskan semasa menyembelih binatang.
27. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebaik tiba di Madinah ialah membina _____.
28. Kelebihan menuntut _____ ialah tidak mudah ditipu oleh orang lain .
29. Rasulullah SAW telah menerima wahyu pertama di _____.
30. Satu daripada contoh _____ ialah memakan makanan yang haram untuk menyelamatkan nyawa ketika darurat. [10 markah]

Jumlah
21-30

